



# SOAL JAWAB AGAMA

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' di dalam Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi supaya lebih mudah difahami oleh pembaca tanpa mengubah maksud soalan dan jawapan yang sebenar.

## SOALAN 1

Apakah hukum bagi seorang lelaki Islam memakai emas putih?

### JAWAPAN 1

Hukum lelaki Islam memakai emas putih adalah haram berdasarkan daripada beberapa hadith..Ali bin Abu Talib r.a. berkata:"Rasulullah s.a.w. mengambil sutera, ia letakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian diletakkan di sebelah kirinya, lantas ia berkata: Kedua ini haram buat orang laki-laki dari umatku." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasa'i, Ibnu Hibban dan Ibnu Majah) antara hadith lain juga, Nabi s.a.w. juga pernah melihat seorang laki-laki memakai cincin emas di tangannya, kemudian oleh Nabi dicabutnya cincin itu dan dibuang ke tanah. Kemudian beliau bersabda: "Salah seorang diantara kamu ini sengaja mengambil bara api kemudian ia letakkan di tangannya. Setelah Rasulullah pergi, kepada si laki-laki tersebut dikatakan: 'Ambillah cincinmu itu dan manfaatkanlah.' Maka jawabnya: 'Tidak! Demi Allah, saya tidak mengambil cincin yang telah dibuang oleh Rasulullah.'" (Riwayat Muslim) Dan seperti cincin, menurut apa yang kita saksikan di kalangan orang-orang kaya, iaitu mereka memakai pena emas, jam emas, gelang emas, bekas penghidup rokok emas, gigi emas dan seterusnya adalah haram hukumnya. Untuk anda mengetahui tentang campuran emas atau emas putih bolehlah mencari di dalam laman-laman web agama. Wallahu a'lam

## SOALAN 2

Saya mempunyai 2 rumah: satu di Perak satu lagi di Kuala Lumpur. Misal kata saya melakukan perjalanan dari Perak ke rumah di Kuala Lumpur, saya melakukan solat jamak sepanjang perjalanan tersebut. Malah setelah sampai saya masih melakukan jamak selama 3 hari saya di Kuala Lumpur. Adakah boleh dilaksanakan dengan cara begitu?

### JAWAPAN 2

Mengikut dalam kaedah solat jamak dan qasar, solat jamak qasar boleh dilakukan sepanjang perjalanan dari Perak ke Kuala Lumpur dengan syarat melebihi dua marhalah. Apabila sampai di rumah Kuala Lumpur, maka terputuslah solat jamak qasar itu kerana ia dikira sebagai rumah mukim (rumah sendiri). Tetapi jika anda transit di mana-mana hotel, maka bolehlah meneruskan jamak selagi mana anda tidak menetapkan berapa hari untuk tinggal di Kuala Lumpur. Ataupun jika anda sampai di Kuala Lumpur, kemudian niat masih lagi ingin meneruskan perjalanan ke Johor dan sebagainya atau balik semula ke Perlis maka boleh juga meneruskan solat jamak dan qasar tersebut. Wallahu a'lam

## SOALAN 3

Saya ingin memohon jasa baik ustaz utk menerangkan tentang hukum berkenaan hiburan (muzik, drama, filem dan perkara-perkara sepertinya) di dalam Islam. Adakah hiburan di haramkan terus ataupun ianya masih dibenarkan dalam Islam dengan syarat-syarat tertentu?

### JAWAPAN 3

Perkara ini terlalu panjang jika hendak dihuraikan. Namun secara asasnya, Hiburan masih dibolehkan asalkan ia menepati perkara-perkara yang telah ditetapkan syarak. Contohnya aksi drama yang tidak berpegangan tangan atau berpelukan antara pelakon lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya serta

mengingatn tentang kebesaran Allah dan seumpama dengannya. Antara contoh terbaik filem atau drama ialah Syukur 21. satu plot cerita yang menarik dan juga tidak melalaikan. Berteknologi tapi mengingati kebesaran Allah. Begitu juga dengan muzik selagi mana ianya tidak membawa kepada lagha (lalai), banyak berzikrullah serta lirik yang tidak membawa kepada syirik. Masih boleh didengar kerana muzik bukanlah satu perkara yang boleh diharamkan terus tanpa kita melihat terhadap intipati atau penggunaannya. Tetapi keadaan hiburan sekarang ini lebih banyak kepada perkara-perkara syubhat iaitu antara 2 perkara yang haram atau halal. Nabi SAW bersabda, "Yang halal itu jelas yang haram itu jelas, di antara ke dua perkara berikut punyai syubhat yang tidak diketahui kebanyakan umum...",Barangsiapa yang memelihara dirinya dari pekara-pekaraya yang syubhat itu, maka dia telah melindungi agama dan kehormatannya dirinya. Dan barangsiapa yang tergelincir ke dalam pekara syubhat itu bererti ia tergelincir masuk ke dalam perkara haram. Laksana seorang penggembala di pinggir sebuah daerah larangan, yang akhirnya masuk ke dalam daerah larangan itu. Ketahuilah sesungguhnya bahawa setiap raja mempunyai daerah larangan, Ketahuilah, sesungguhnya daerah larangan Allah itu adalah pekara-pekaraya yang diharamkanNya. Ketahuilah, dalam setiap tubuh itu ada segumpal daging. Jika daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuh itu dan jika ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh itu. (Riwayat Bukhari dan Muslim) Wallahu a'lam.

## SOALAN 4

Apakah hukum kiranya kita mengambil hak peruntukan dari pihak lain secara berlebihan sedangkan memadai (katakan RM200) tetapi apabila memohon kelulusan kertas kerja kita letak (katakan RM500) dan seumpamanya. Dengan niat lebihan itu dimasukkan ke dalam tabung persatuan dan seumpamanya. Setelah diluluskan pihak yang memohon akan mencipta pelbagai resit palsu untuk melunaskan lebihan tersebut sebagai bukti, sedangkan sekiranya resit tidak melepasi peruntukan lebihan tersebut perlu dipulangkan. Mohon dijelaskan.

### JAWAPAN 4

Perkara tersebut melibatkan penipuan. Penipuan adalah haram dalam Islam. Walaupun dengan tujuan dan niat asalnya adalah baik. Tetapi cara dan kaedah iaitu dengan mencipta resit-resit palsu itulah yang menyebabkan ianya terjadi haram. Sebaliknya jika mempunyai sebarang lebihan dari duit tersebut perlulah dikembalikan kepada yang berhak. Tidak salah di dalam kertas kerja anda memohon lebih kerana dibimbangkan ianya tidak cukup tetapi jika ianya memang lebihan maka wajib memulangkannya.. Ingatlah bahawa setiap sen wang yang telah diamanahkan kepada kita dipertanggungjawabkan di hadapan Allah kelak. Wallahu a'lam

## SOALAN 5

Saya ingin bertanya tentang satu kemusykilan. Ada sesetengah orang berpendapat majlis tahlil tidak boleh dibuat kerana orang yang telah meninggal dunia hanya membawa bekalan amalannya sewaktu hidupnya dan bekalan doa dari anak-anak yang soleh. Majlis tahlil yang dibuat ke atas orang yang telah meninggal tidak akan membawa apa-apa erti. Seperti yang kita semua sedia maklum, majlis tahlil ini selalunya akan dibuat setelah seseorang itu meninggal dunia. Mohon jika dapat diperjelaskan isu ini.



**Mufti Mesir juga turut mengakui bahawa memang ada tahlil di dalam Islam. Cara yang salah diamalkan oleh sebahagian kita ialah dengan melakukannya mengikut hari contohnya perlu genapnya 40 hari atau 100 hari.**

**JAWAPAN 5**

Adapun isu tahlil ini seringkali menjadi perdebatan. Perlu juga diingatkan bahawa isu ini juga telah diperdebatkan sejak 1400 tahun yg lalu sehingga sekarang. Kebanyakan tahlil menghukum dengan harus ini bermakna boleh melakukan untuk mengingati serta mendedekahkan pahala untuk si mati. Tidakkah di dalam amalan tahlil itu mempunyai ayat-ayat Al-Quran serta doa. Mufti Mesir juga turut mengakui bahawa memang ada tahlil di dalam Islam. Cara yang salah diamalkan oleh sebahagian kita ialah dengan melakukannya mengikut hari contohnya perlu genapnya 40 hari atau 100 hari. Tidak perlu pada tempoh-tempoh tertentu juga anda mengingati terus melakukannya walaupun pada hari 35 atau 70 dan sebagainya. Wallahu a'lam

**SOALAN 6**

*Saya mempunyai kemusykilan tentang satu perkara iaitu mengenai amalan merokok. Merokok telah difatwakan sebagai haram di Malaysia. Tetapi rakyat kita masih lagi merokok. Adakah perbuatan dan dosa mereka sama seperti melakukan perkara-perkara haram yang lain (seperti maksiat dan zina)? Mohon diperjelaskan mengenai isu ini.*

**JAWAPAN 6**

Sebagaimana yang kita ketahui, Majlis Fatwa Kebangsaan telahpun mengeluarkan fatwa bahawasanya merokok itu haram. Begitu juga dengan Persidangan Ulama' Fiqh Sedunia juga telah menyatakan sedemikian. Perlu kita memahami apakah tafsiran haram itu. Haram dari segi istilah ulama' fiqh ialah sesuatu yang telah diputuskan di dalam al Quran dan al hadith serta Majlis Fatwa Kebangsaan bahawa sesuatu perkara yang diputuskan tersebut adalah bertentangan dari kehendak dan fitrah manusiawi. Perkara-perkara yang haram itu juga sebenarnya mendatangkan kemurkaan Allah. Sudah pastinya ianya adalah dari perkara-perkara yang berdosa. Tetapi di dalam kaedah-kaedah fiqh, terdapat perkara-perkara yang tertentu yang mana jika ianya haram boleh menjadi harus bilamana kita berada dalam keadaan darurat. Contohnya khinzir. Memang di dalam al Quran melarang kita dari memakannya tetapi jika kita tersesat di dalam hutan beberapa hari dan yang ada hanya binatang tersebut maka jatuh hukum harus kerana hukum tersebut berubah mengikut masa, keadaan ('illah). Bagi mereka yang merokok perlulah belajar berhenti kerana ia mudharat diri dan juga orang lain serta memupuk sifat membazir. Wallahu a'lam.

**SOALAN 7**

*Saya mempunyai kemusykilan tentang puasa ganti. Bolehkah kita puasa ganti berserta dengan niat puasa enam? Ataupun adakah kita diwajibkan mengganti puasa wajib dulu kemudian baru melakukan sunat puasa enam?*

**JAWAPAN 7**

Di dalam keadaan seperti di atas, kita mesti mengutamakan qadha puasa (puasa ganti) dahulu sebelum berpuasa enam dibulan Syawal. Kebanyakan pendapat ulama' mengatakan tidak boleh menggabungkan puasa enam dengan puasa ganti.

**SOALAN 8**

*Saya mempunyai dua kemusykilan.*

- i. Apakah hukumnya mengenai wanita mengenakan alat solekan? Saya agak keliru kerana ramai ustazah-ustazah pada hari ini mengenakan alat solekan.

- ii. Apakah memakai celak bagi wanita, dikira sebagai solekan sedangkan ia sunnah Rasulullah S.A.W.?

**JAWAPAN 8**

Jawapan kepada kemusykilan anda:

- i. Hukum bersolek ialah tabarruj. Tabarruj ialah perhiasan yang amat berlebih-lebih dari kalangan wanita yang boleh menarik perhatian lelaki. Hukumnya adalah haram. Contohnya seperti memakai alat solekan yang tebal gincu, pemerah pipi dan sebagainya. Jika pemakaian alat solekan tersebut untuk suami, ianya tidak menjadi kesalahan.
- ii. Celak sememangnya dibolehkan kerana mendapat rukhsah dari Nabi S.A.W. dan merupakan satu amalan sunnah baginda SAW. Wallahu a'lam.

**SOALAN 9**

*Saya ingin bertanya mengenai zina hati beserta dalil-dalil yang berkaitan. Mohon boleh diperjelaskan.*

**JAWAPAN 9**

Pembahagian kepada zina ini banyak antaranya yang disebutkan oleh Rasulullah SAW yang berkaitan dengan zina hati. "Telah ditetapkan atas manusia bahagiannya dari zina. Ia pasti mendapatkan hal yang demikian itu. Zinanya mata adalah memandang, zinanya telinga adalah mendengar, zinanya lidah adalah berbicara. Zinanya tangan adalah meraba, zinanya kaki dengan melangkah dan zinanya hati dengan berkeinginan, berangan angan dan membenarkan atau mendustakan kemaluan." (Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud dan lain-lain).. Tetapi asas di dalam al Quran menyebut "Janganlah kamu menghampiri zina" walaupun ayatnya yg pendek tetapi merangkumi segalanya. Contohnya dalam beberapa keadaan dan situasi yang membawa kepada zina hati ialah keinginan hati untuk mendapatkan sesuatu bagi memuaskan nafsu seperti nafsu membeli ketika di bulan Ramadan dan perkaitannya di bulan Ramadan. Sedangkan makan banyak ketika di bulan puasa juga boleh memudaratkan diri dan akhirnya tidak mampu untuk beribadat dengan baik ketika bulan Ramadan. Jika anda mempunyai hubungan antara lelaki dan wanita juga (kekasih), di dalam keadaan-keadaan tertentu anda akan memanggil perkataan yang sepatutnya tidak perlu lagi kerana tiada ikatan dan boleh membawa kepada anda terbayang ketika tidur. dan sebagainya. Namun banyak lagi contoh yg boleh diberikan. Semoga bermanfaat untuk semua. Wallahu a'lam

**SOALAN 10**

*Saya ingin tahu mengenai Derma Darah seorang bukan Muslim. Apakah darah daripada seorang yang bukan Muslim akan digunakan untuk orang-orang Muslim, kerana cara terbentuknya darah itu agak tidak halal. Contohnya mereka makan makanan yang haram dan sebagainya. (soalan dikemukakan oleh individu bukan Muslim)*

**JAWAPAN 10**

Islam tidak meletakkan perbezaan agama untuk tidak boleh menderma atau menerima darah bukan Muslim, kerana jelas di dalam al Quran menyebutkan bahawa jika menderma untuk seseorang bukan Muslim, ianya tetap mendapat pahala atas dasar menyelamatkan nyawa. Tetapi darah yang hendak didermakan atau menerima itu biarlah darah yang baik seperti tidak membawa kepada jangkitan HIV dan sebagainya.

-Wallahu a'lam-